

Perdana Menteri kita diundang melawat China

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diundang melawat negeri China oleh Perdana Menteri negara tersebut, En-cik Zhao Ziyang.

Bagaimanapun, lawatan tersebut terpaksa menunggu "waktu yang sesuai", kata Datuk Seri Dr. Mahathir kerana "pada masa ini saya sedang sibuk dengan urusan-urusan dalam negeri".

Undangan tersebut disampaikan selepas kedua pemimpin tersebut mengadakan perbincangan selepas jamuan teh di rumahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata perbualannya 40 minit dengan pemimpin China itu tertumpu kepada cara-cara merapatkan lagi hubungan antara dua negara dan hubungannya dalam sejarah.

"Kami akan berbincang mengenai perkara-perkara lebih serius esok," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Kedua-dua mereka membayangkan hari ini perbincangan rasmi esok akan termasuk isu Kam-puchea dan peningkatan dagangan antara China dengan Malaysia.